

PEMILIHAN KERJAYA DALAM SENI REKA FESYEN -
SATU TINJAUAN

AZHANI HASIBAH BINTI AB. KARIM


KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN UNN

PERPUSTAKAAN KUI TTHO




3 0000 00071050 3

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional.”

Tandatangan : 
Nama Penyelia : Pn. Siti Fauzeyah Binti Syed Salim.
Tarikh : 10 MAC 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : AZHANI HASIBAH BINTI AB KARIM.
Tarikh :

Untuk ayah, ibu dan keluarga tersayang, terima kasih atas segala jasa, pengorbanan, dorongan dan kasih sayang yang diberikan.

PENGHARGAAN

“Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang”

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T, dengan limpah kurnianya, penulis dapat menyiapkan penyelidikan yang bertajuk “Pemilihan Kerjaya Dalam Seni Reka Fesyen – Satu Tinjauan”.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sepanjang penyelidikan dilakukan, kepada Pn. Siti Fauzeyah binti Syed Salim, Ketua Pusat Pengajian Kemanusiaan Dan Komunikasi (PPKK) selaku pembimbing penyelidikan ini di atas segala bimbingan, bantuan dan kerjasama yang diberikan.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu di dalam proses menyiapkan penyelidikan ini. Semoga segala usaha dan keringat yang diberikan direndhai Allah S.W.T. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyelidikan ini.

Wassalam.

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan satu tinjauan mengenai pemilihan kerjaya dalam bidang Seni Reka Fesyen. Aspek-aspek dalam penyelidikan ini meliputi latarbelakang responden, pengetahuan mengenai kerjaya dalam Seni Reka Fesyen, faktor pemilihan bidang Seni Reka Fesyen, pemilihan bidang Seni Reka Fesyen sebagai kerjaya akan datang dan keberkesanan penyebaran maklumat bahan promosi yang dibangunkan. Penyelidikan ini dilaksanakan di Politeknik Johor Bahru, Johor Darul Takzim. Seramai 40 orang pelajar daripada 64 orang pelajar semester 6 Diploma Seni Reka Fesyen ini telah dipilih secara rawak sebagai responden. Segala maklumat berkaitan dengan penyelidikan diperolehi melalui soal selidik dan bahan promosi dalam bentuk risalah dan cakera padat, yang diedarkan kepada responden. Analisis daripada maklumat dalam penyelidikan ini kemudiannya dilakukan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan purata min dengan menggunakan SPSS (Statistical Process For Social Science) 11.00. Hasil daripada penyelidikan ini mendapati bahawa pengetahuan yang luas mengenai bidang Seni Reka Fesyen dapat mempelbagaikan lagi pilihan kerjaya dalam bidang ini.

ABSTRACT

This research is a survey to determine the career chosen in the field of fashion design. The aspects in this research include the background of the respondents, their knowledge about fashion design, the factors for choosing fashion design, career in fashion design for the future and the effectiveness of promotion from the brochures and the compact disc. This research was conducted at Politeknik Johor Bahru, Johor Darul Takzim. A total of 40 from 64 students from Diploma in Fashion Design have been chosen as respondents. The data was analysed using numbers, percentage and mean average, using SPSS (Statistical Process For Science Social) 11.00. The results show that the knowledge in fashion design can vary in the career chosen in fashion design.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENYERAHAN TESIS	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENULIS	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	HALAMAN PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB I	PENDAHULUAN.	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	5
	1.3 Penyataan Masalah	7
	1.4 Persoalan Dalam Penyelidikan	9
	1.5 Objektif Penyelidikan	10
	1.6 Kerangka Teori	11
	1.7 Huraian Kerangka Teori	12
	1.8 Kepentingan Penyelidikan	12
	1.9 Skop Penyelidikan	13
	1.10 Definisi Istilah	13

BAB II	SOROTAN PENULISAN	17
2.1	Pengenalan	17
2.2	Pengetahuan Semasa Mengenai Fesyen	18
2.3	Sumber Maklumat Berkaitan Bidang Seni Rekaan Fesyen	19
2.4	Cabaran Dalam Bidang Fesyen	20
2.5	Rekaan Fesyen	20
2.6	Pengaruh Media Dalam Pemilihan Kerjaya Pelajar.	22
2.7	Penyebaran Maklumat Menggunakan Cakera Padat ('Compact Disc').	22
2.8	Teks	24
2.9	Audio	25
2.10	Penterjemahan Dari Sumber Sedia Ada.	26
2.11	Penghasilan Prototaip	26
2.12	Risalah	27
BAB III	METODOLOGI PENYELIDIKAN	28
3.1	Pengenalan	28
3.2	Reka Bentuk Penyelidikan	29
3.3	Kajian Rintis.	31
3.4	Prosedur Penyelidikan	32
3.5	Responden Dan Sumber Data	34
3.5.1	Responden	34
3.5.2	Sumber Primer	35
3.5.3	Sumber Sekunder	35
3.6	Instrumentasi Kajian	36
3.7	Analisis Data	41

	3.7.1	Bahagian A (Data Peribadi Responden).	41
	3.7.2	Bahagian B, C, D Dan E.	42
	3.8	Andaian Penyelidikan	43
	3.9	Batasan Penyelidikan	43
BAB IV		REKA BENTUK DAN PENILAIAN PRODUK	45
	4.1	Pengenalan	45
	4.2	Latar Belakang Teori Penghasilan Produk	46
	4.3	Reka Bentuk Produk	47
	4.3.1	Rekabentuk Dan Ciri-ciri Produk	47
	4.3.2	Kronologi Pembinaan Produk	48
	4.3.3	Teknik, Media Dan Proses Penghasilan Produk.	48
	4.3.4	Permasalahan Dalam Membina Produk	49
	4.3.5	Bahan, Kos Dan Masa Membina Produk	50
	4.4	Penilaian Produk	50
	4.4.1	Pemilihan Dan Pembinaan Instrumen Untuk Menilai Produk	51
	4.4.2	Pemilihan Subjek Atau Sampel Penyelidikan Yang Akan Menilai Produk	53
	4.4.3	Fokus Penilaian	53
	4.4.4	Pembuatan Produk Dibuat Dari Segi:-	54
	4.4.4.1	Teknik Dan Proses Pembuatan Produk	54
	4.5	Cadangan Pembaikan	55
BAB V		ANALISIS PENYELIDIKAN	57
	5.1	Hasil Penyelidikan	57
	5.2	Analisis Bahagian A	58
	5.2.1	Jantina	58

	5.2.2	Keturunan	59
	5.2.3	Pendapatan	61
	5.3	Analisis Bahagian B, C, D Dan E.	62
	5.4	Bahagian B, C, D Dan E	63
BAB VI		PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	85
	6.1	Pengenalan	85
	6.2	Perbincangan	86
	6.2.1	Latarbelakang Dan Pemilihan Kerjaya	86
	6.2.2	Pengetahuan Mengenai Kerjaya Dalam Seni Reka Fesyen	87
	6.2.3	Faktor Pemilihan Bidang Seni Reka Fesyen	89
	6.2.4	Pemilihan Bidang Seni Reka Fesyen Sebagai Kerjaya Akan Datang	90
	6.2.5	Keberkesanan Penyebaran Maklumat Bahan Promosi Kepada Responden	90
	6.3	Rumusan	91
	6.4	Cadangan	91
		RUJUKAN	93
		LAMPIRAN	
		Lampiran A-F	100-141

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Persoalan Penyelidikan Dan Item-item Set Soal Selidik	30-31
3.2	Kategori Min	42
5.1	Jumlah Bilangan Responden Mengikut Jantina	58
5.2	Keturunan Responden	59
5.3	Pendapatan bapa/ibu/penjaga/responden	61
5.4	Tafsiran Min Bagi Ukuran Tahap Kecenderungan	62
5.5	Soalan B1 : Pemilihan Kerjaya Dalam Seni Reka Fesyen	63
5.6	Soalan B2 : Pereka Fesyen Yang Dikagumi (Pereka Tempatan)	64
5.7	Soalan B3 : Pereka Fesyen Yang Dikagumi (Pereka Antarabangsa)	64
5.8	Soalan B4 : Majalah Langganan Sebagai Sumber Pengetahuan Dalam Bidang Berkaitan :	65
5.9	Soalan B5 : Ruangan Yang Sering Menjadi Pilihan Utama Dalam Majalah Pilihan.	66
5.10	Soalan B6 : Pada pendapat anda, Bidang Seni Reka Fesyen Merupakan Suatu Bidang Yang Mempunyai :	66
5.11	Soalan B7 : Peluang-peluang Untuk Menceburkan Diri Dalam Bidang Seni Reka Fesyen.	67
5.12	Purata Min : Pengetahuan Mengenai Kerjaya Dalam Seni Reka Fesyen.	68
5.13	Soalan C1 : Seni Reka Fesyen Merupakan Bidang Pilihan	69

5.30	Soalan D10 : Bidang Seni Reka Fesyen Memerlukan Individu Yang Mempunyai Komunikasi Yang Baik Antara Individu.	79
5.31	Soalan D11 : Kurikulum Dalam Seni Reka Fesyen Terlalu Membebankan Kerana Terlalu Banyak Subjek Atau Kemahiran Yang Perlu dikuasai.	80
5.32	Soalan D12 : Hasil Idea Yang Direalitikan Kepada Pakaian Menimbulkan Kepuasan Dalam Kerja.	80
5.33	Purata Min : Penyelidikan Pemilihan Bidang Seni Reka Fesyen Sebagai Kerjaya Akan Datang.	81
5.34	Purata Min : Penyelidikan Keberkesanan Penyebaran Maklumat Bahan Promosi Kepada Responden.	83

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Prosedur Penyelidikan	32

SENARAI LAMPIRAN

NO. LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Analisis Kebolehpercayaan	100-101
B	Borang Soal Selidik	102-112
C	Skrip Cakera Padat	113-117
D	Risalah	118-122
E	Jadual Kekerapan Dan Peratusan	123-139
F	Statistik Deskriptif	140-173

BAB I

PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan pengenalan mengenai penyelidikan yang dijalankan, latar belakang penyelidikan, pernyataan masalah, persoalan dalam penyelidikan, objektif penyelidikan, kerangka teori, huraian kerangka teori, kepentingan penyelidikan, skop penyelidikan dan definisi istilah.

1.1 Pengenalan.

Negara Malaysia kini mengorak langkah menuju ke arah wawasan 2020 dan bersedia untuk seiring sejalan dengan negara-negara maju yang lain. Matlamat ini direalisasikan supaya hasrat negara ini bukan sekadar impian semata-mata. Di antara cabang ke arah matlamat yang dicita-citakan ini ialah melalui perkembangan dari segi ilmu pengetahuan, perkembangan dan kemajuan negara dapat dilakukan. Melalui ilmu pengetahuan yang luas, peluang kerjaya juga tidak akan terbatasi dalam sesuatu bidang sahaja (Najib Tun Razak, 14 Jun 1997). Kepelbagaian jenis kerjaya meningkatkan lagi sumber ekonomi negara dan sekaligus dapat meningkatkan taraf hidup rakyat.

Penguasaan ilmu hendaklah mencakupi keseluruhan ilmu, daripada perkembangan ilmu pengetahuan berunsurkan sains dan teknologi yang berfungsi untuk memenuhi keperluan dan matlamat negara pada masa akan datang (Abdul Rahim Abd. Rashid, 21 Jun 1997). Bidang Seni Reka Fesyen turut mempunyai potensi di negara Malaysia ini. Kemajuan dalam bidang Seni Reka Fesyen ini mengembangkan lagi hasil rekaan dari timur dan membuka peluang untuk berada seiring dengan rekaan dari barat yang telah menguasai dunia rekaan fesyen sejak berabad lamanya.

Kemahiran dan pengetahuan yang tinggi dalam bidang Seni Reka Fesyen turut membuka laluan yang luas terutamanya dari segi peluang pekerjaan kepada individu yang menceburi bidang ini, diperkukuhkan lagi dengan perkembangan bidang seperti sains dan teknologi. Oleh itu, pendedahan yang lebih jitu perlulah dilakukan kepada generasi muda bagi mengasah bakat mereka dalam bidang Seni Reka Fesyen.

Kepesatan pembangunan ekonomi, penghijrahan dari luar bandar ke bandar, perubahan gaya hidup dan pengaruh negatif daripada rakan sebaya atau media massa juga merupakan satu cabaran baru yang perlu dihadapi di kalangan generasi masa kini. Berdasarkan Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), pelbagai program telah dirancang seperti program pencegahan dan pemulihan yang dilaksanakan oleh semua sektor awam dan sektor swasta untuk melengkapkan sikap, pengetahuan dan kemahiran generasi muda supaya dapat menyumbang dan menyedari tanggungjawab mereka kepada negara.

Bengkel dan latihan tidak formal jangka pendek dalam bentuk kemahiran juga diadakan, seperti motor mekanik, masakan dan rekaan fesyen. Program kebudayaan juga antara program yang turut diadakan sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan bidang kesenian dan kebudayaan seperti bengkel kebudayaan, pendidikan kesenian, pertunjukan seni halus serta muzik dan drama, (Hushim Salleh, 29 November 2002).

Penekanan ini diberikan kepada generasi muda dengan kemahiran yang sesuai untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran pembangunan yang pesat dan

globalisasi dalam kerjaya kelak. Oleh itu, perancangan dari awal perlu dilakukan di kalangan generasi muda ini dalam menentukan jenis kerjaya yang ingin mereka ceburi.

Hushim Salleh menyatakan, sebelum memilih sesuatu kerjaya, perancangan perlu dilakukan dan biasanya bermula daripada fantasi atau angan-angan sebelum menyedari hakikat sebenar. Ia merupakan satu kelaziman sejak dari peringkat kanak-kanak lagi yang pandai menyebut hendak menjadi pelakon, penyanyi atau pereka fesyen dan setiap remaja sudah semestinya mempunyai kerjaya idaman masing-masing walaupun mengalami perubahan kerana dipengaruhi oleh persekitaran. Menurut Tolbert E. L., (1974), aspirasi pemilihan kerjaya adalah satu set tingkahlaku dan sikap yang teratur yang membolehkan seseorang individu bertindak dengan berjaya apabila menghadapi tuntutan dari persekitaran. Seterusnya beliau juga mengatakan bahawa pemilihan kerjaya adalah kebolehan untuk membuat keputusan atau pilihan dengan sendiri dan kesanggupan untuk bertanggungjawab kepadanya.

Perancangan kerjaya bermula daripada perancangan jangka pendek, semasa seseorang itu berada pada peringkat sekitar usia 18 hingga 25 tahun kerana peringkat ini amat penting sebagai peringkat untuk belajar dan menimba pengalaman. Perancangan jangka panjang selepas perancangan jangka pendek pula akan menentukan status dan masa depan seseorang. Kombinasi minat, kebolehan dan pengaruh suasana semasa adalah faktor utama dalam pemilihan sesuatu kerjaya (Hushim Salleh, 29 November 2002).

Berdasarkan Teori Holland, manusia dikategorikan kepada enam kelompok berlainan berasaskan jenis personaliti (Hushim Salleh, 29 November 2002), iaitu:-

- Realistik ('realistic').
- Penyelidikan ('investigative').
- Artistik ('Artistic').
- Sosial ('social').
- Keusahawanan ('enterprising').
- Konvensional ('conventional').

Jenis-jenis personaliti diatas ini mempunyai perbezaan dari segi minat, contohnya individu yang berminat kepada manusia suka untuk menemui orang tanpa mengira kelas. Walaupun demikian, minat setiap individu tidak semestinya satu dan adakalanya akan berubah apabila sampai satu peringkat kemungkinannya kerana faktor ekonomi, persekitaran dan motivasi kerja (Hushim Salleh, 29 November 2002).

Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, bidang Seni Reka Fesyen memerlukan seseorang yang terlibat secara langsung dengan aktiviti yang dilakukan dan memanipulasi sesuatu objek, berkarya dan mencipta idea. Namun, peluang kerjaya yang kecil dan tertumpu pada satu bidang kerjaya sahaja akan menutup peluang yang lebih luas dalam bidang ini. Contohnya, kerjaya secara sepenuh masa sebagai pereka fesyen didapati tidak meluas hingga ke peringkat antarabangsa kemungkinannya kerana bilangan yang sedikit dan hanya tertumpu di dalam negara. Oleh itu, satu sumber berbentuk bahan promosi dalam Seni Reka Fesyen dibentuk berdasarkan perkembangan keberkesanannya di kalangan pelajar yang mengambil bidang Seni Reka Fesyen.

Terdapat pelbagai sumber yang boleh digunakan untuk menyebarkan maklumat dan salah satu daripadanya ialah dengan menggunakan bahan promosi seperti risalah yang mengandungi cakera padat. Maklumat dalam bahan promosi ini dapat dilakukan dengan banyak, cepat, ringkas dan mudah. Ciri-ciri pada bahan promosi ini secara kebiasaannya mempunyai daya tarikan yang kuat dari segi ilustrasi yang menarik, bewarna-warni dan mempunyai bentuk eksklusif (Kathleen Chee, 1991). Daya tarikan ini menjadi tarikan kepada responden untuk terus menonton paparan ilustrasi dengan lebih lanjut, seterusnya menguji keberkesanan bahan promosi.

Satu bentuk penyebaran maklumat yang menjurus kepada pengetahuan dalam bidang Seni Reka Fesyen amat perlu kepada generasi di Malaysia, khususnya generasi muda yang mempunyai potensi tinggi untuk menerokai bidang yang agak baru di Malaysia ini. Pengetahuan mengenai bidang Seni Reka Fesyen ini diharapkan akan digunakan ke arah aktiviti yang lebih produktif kepada negara.

1.2 Latar Belakang Penyelidikan.

Bidang kerjaya adalah pelbagai dan pilihan kerjaya dilakukan berdasarkan minat, kecenderungan, kelayakan atau gaji yang diterima. Secara umumnya, terdapat lapan bidang kerjaya utama dan beberapa contoh disenaraikan berkenaan kerjaya yang berkaitan (Hushim Salleh, 29 November 2002), iaitu:-

- Bidang kewangan atau perniagaan atau hartanah.
(Mempunyai kecenderungan dengan kerja-kerja jualan, kewangan dan perniagaan, suka bergaul dan mempengaruhi orang)
 - Akauntan, Pentadbiran dan Pengurus Bank, Perancang dan Pengurus Kewangan, Eksekutif Jualan, Pengurus Pengiklanan dan Penganalisis Data.

- Bidang penulisan dan komunikasi.
(Mempunyai minat dalam bidang penulisan, sastera dan seni).
 - Wartawan, Editor, Jurubahasa, Pengacara Radio atau televisyen, Penterjemah, Perunding Komunikasi dan Penulis Skrip.

- Bidang saintifik atau perubatan.
(Mempunyai minat dalam penyelidikan dan mempunyai kaitan dengan sains dan masyarakat).
 - Doktor (am/bedah/gigi/mata/pakar), Jururawat, Saintis, Ahli Biologi dan Pakar Nuklear.

- Bidang perkeranian dan pentadbiran.
(Mempunyai kecenderungan untuk melakukan tugas berkaitan pentadbiran, kesetiausahaan dan merekod maklumat).
 - Pegawai Tadbir, Setiausaha, Kerani, Pengurus Perjawatan dan Pegawai Sumber Manusia.

- Bidang seni reka dan kreativiti.
(Mempunyai kecenderungan untuk melukis, mereka dan mencipta bahan-bahan seni dan kreatif)
 - Pelukis, Pelukis Grafik atau Batik, Pereka Fesyen/Barang Kemas/Seramik dan sebagainya, Pereka Bentuk Dalaman, Jurugambar dan Juru Solek.

- Bidang teknikal.
(Mempunyai minat untuk mengendali, mereka bentuk, mereka cipta, membina atau membaiki mesin dan bidang teknikal yang berkaitan).
 - Arkitek, Perancang Bandar Dan Wilayah, Juruteknik, Juruukur, Mekanik, Jurutera (Elektronik/Elektrik/Awam) dan Pakar Runding.

- Bidang keusahawanan.
(Mempunyai kecenderungan untuk bekerja sendiri dengan menjalankan perniagaan dan perusahaan).
 - Perniagaan Runcit, Perusahaan Kilang, Pemborong, Kontraktor, Pengusaha Hotel, Perusahaan Bengkel dan Perusahaan Butik.

- Bidang perkhidmatan.
(Mempunyai kecenderungan untuk melakukan kerja-kerja sosial atau melibatkan orang ramai).
 - Pensyarah/Guru, Pustakawan, Pegawai Perhubungan Awam, Peguam/Pendakraya/Hakim, Polis/Askar, Pemandu Pelancong, Kaunselor, Pramugari/Pramugara dan Tukang Masak Profesional.

Peluang untuk memilih bidang pekerjaan berkaitan Seni Reka sememangnya kurang dan tidak terlalu menonjol di Malaysia. Seseorang individu yang berkeinginan untuk menceburi bidang Seni Reka terutamanya bidang Seni Reka Fesyen ini, terlibat dalam alam pekerjaan sama ada sebagai pereka fesyen atau 'designer', pembantu pereka fesyen atau 'assistant designer', pembuat pola pakaian atau 'pattern maker', ahli perniagaan atau 'merchandiser', penolong perniagaan atau 'assistant merchandiser',

jururunding imej atau 'stylist', pemotong atau 'cutter', artis, pengurus pengeluaran atau 'production manager', pengawal kualiti atau 'quality controller', penjual atau 'sales person' (Diamond J. dan Diamond E., 1990).

Suatu sumber maklumat mengenai bidang Seni Reka Fesyen adalah perlu seperti pengetahuan umum berkaitan Seni Reka Fesyen, tokoh-tokoh yang telah berjaya, hasil rekaan dan proses pembuatan pakaian perlu ditonjolkan. Untuk itu, penghasilan bahan promosi ini kelak diharapkan menjadi salah satu cara menonjolkan bidang Seni Reka Fesyen walaupun ia hanya bersifat umum. Namun demikian, maklumat berkaitan bidang rekaan fesyen adalah perlu kerana fesyen adalah refleksi kehidupan setiap individu itu sendiri, dari segi gambaran diri dalam aspek kebudayaan, cara hidup, makanan yang dimakan dan apa yang difikirkan yang akan mempengaruhi fesyen yang dibawa oleh setiap individu kepada dirinya (Chester, C., 1984).

Oleh itu, sumber maklumat yang mempromosikan Seni Reka Fesyen dalam bentuk risalah yang mengandungi cakera padat ini diharapkan dapat memberi panduan pemilihan kerjaya dalam Seni Reka Fesyen.

1.3 Pernyataan Masalah.

Secara sepintas lalu, terdapat banyak bidang kerjaya di dunia dan pilihan kerjaya boleh dibuat berdasarkan beberapa faktor seperti kelayakan akademik, minat, bakti dan gaji yang diterima. Namun hanya sesetengah kerjaya sahaja yang popular dan biasa diceburi, walaupun terdapat kira-kira 25 000 di dunia ini (Hushim Salleh, 29 November 2002). Begitu juga dengan kerjaya dalam bidang Seni Reka Fesyen di negara Malaysia yang terbatas dan hanya tertumpu kepada pereka-pereka fesyen tempatan yang hanya dikenali di negara-negara di sekitar Asia sahaja seperti Korea dan Jepun. Pereka fesyen yang berjaya menembusi pasaran rekaan fesyen antarabangsa adalah kecil seperti hasil rekaan daripada Zang Toi. Terdapat juga pereka fesyen tempatan yang mempunyai

potensi untuk menempa nama di peringkat antarabangsa seperti Rizalman Ibrahim dan Bill Keith.

Bidang Seni Reka Fesyen ini ada ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) daripada tawaran yang terdapat pada borang-borang tawaran ke IPTA. Borang-borang tawaran ini menyenaraikan pelbagai kursus dalam bidang Seni Reka Fesyen di Institusi-institusi Seni Lukis Malaysia seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM), Politeknik, Kolej Komuniti dan di Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) seperti Akademi Fesyen (Fashion Academy). Bidang berkaitan Seni Reka Fesyen turut ditawarkan di peringkat sekolah dan diajar dalam bentuk asas seperti mata pelajaran Ekonomi Rumah Tangga di Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan Sekolah Menengah Akademik.

Faktor kekurangan sumber maklumat, pemilihan kerjaya yang kurang, kekurangan sumber teknologi dan kemudahan dalam bidang Seni Reka Fesyen turut mengecilkan skop bidang Seni Reka Fesyen di Malaysia. Ini menyebabkan pelajar pada peringkat sekolah dalam bidang Seni Reka Fesyen bertindak untuk memilih bidang yang berlainan apabila ke Institusi Pengajian Tinggi kerana tarikan dari segi peluang kerjaya yang lebih luas dan kemudahan yang mudah untuk didapati.

Faktor perbelanjaan yang amat tinggi untuk membiayai kos semasa di peringkat ijazah sarjana atau sarjana muda juga menyebabkan bidang Seni Reka Fesyen ini kurang diceburi. Bahan dan kos semasa menjalankan penyelidikan menggunakan bahan yang banyak untuk eksperimentasi dan kadang-kala memerlukan modal yang tinggi untuk menghasilkan satu koleksi pakaian. Oleh itu, sepanjang tempoh pengajian, individu yang menceburi bidang Seni Reka Fesyen ini menghadapi bebanan kewangan yang tinggi (Dolber, R., 1986).

Namun, kesabaran dan disiplin adalah perlu untuk berkecimpung dalam kerjaya yang diinginkan tidak kira apa jua halangan yang dihadapi. Komitmen, pengurusan dan perancangan terhadap kerjaya amat perlu apabila menceburi bidang Seni Reka Fesyen ini